

## CABARAN-CABARAN PELARIAN ROHINGYA MUSLIM: KAJIAN KES DI PULAU PINANG

Norazira Ali

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam,

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,

Universiti Sains Malaysia, 11700 Minden, Penang.

azira\_kgb@yahoo.com.my

### ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelarian dari etnik Rohingya Muslim yang menetap di Pulau Pinang. Pada tahun 2012, lebih 200 orang terbunuh di dalam pertempuran sengit di pelbagai lokasi di wilayah Rakhine, malah lebih ramai mangsa yang telah meninggalkan kampung halaman dan menjadi pelarian termasuk ke negara jiran Bangladesh. Beribu-ribu pelarian berada di pelbagai negara sebagai pelarian yang tidak diketahui untung nasib mereka. Di Malaysia, jumlah pelarian ini semakin bertambah setiap tahun. Dalam masa yang sama Malaysia tidak memberi pengiktirafan kepada golongan pelarian disebabkan tidak menandatangani Konvensyen 1951 dan Protokol 1961 berkaitan orang pelarian. Ini akan membenarkan pengkaji membuat satu justifikasi tentang sejauh mana keadaan tanpa status sesuatu golongan telah memberi impak terhadap kehidupan harian mereka. Ini kerana rata-rata nasib mereka tidak terbela dan tidak mampu untuk menjalankan kehidupan dengan sempurna. Justeru apakah bentuk-bentuk cabaran yang dihadapi oleh mereka? Bagaimanakah mereka berhadapan dengan cabaran-cabaran tersebut? Kertas kerja ini mempunyai dua objektif. Pertama, berhasrat untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pelarian Rohingya Muslim. Dan kedua, meneliti bentuk tindak balas yang dilakukan oleh golongan Rohingya bagi menghadapi pelbagai masalah dan cabaran kehidupan. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data adalah melalui kajian perpustakaan dan temu bual. Analisis data menggunakan kaedah analisis kandungan. Jangkaan dapatan kajian mendapati golongan ini berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam meneruskan kelangsungan hidup sebagai pelarian.

**Kata kunci:** *kemanusiaan, pelarian Rohingya, cabaran*

### PENGENALAN

Krisis kemanusiaan yang melanda dunia pada hari ini semakin serius. Krisis kemanusiaan yang diakibatkan oleh perang, konflik, rampasan kuasa, penindasan, penghapusan etnik, penghapusan agama menunjukkan perkembangan yang membimbangkan. Krisis kemanusiaan ini semakin buruk apabila hak-hak kemanusiaan baik hak individu atau masyarakat dinafikan. Mereka yang terlibat dalam krisis ini dinafikan hak sebagai warganegara, hak untuk mengamalkan ajaran

agama, mendapat pendidikan, peluang pekerjaan, kesihatan, hak terhadap harta dan tanah, tempat tinggal dan sebagainya semakin terhakis di negara-negara yang berkonflik. Selain dari isu Palestin dan Israel, isu etnik Rohingya di Myanmar menjadi isu krisis kemanusiaan terburuk sebagaimana yang disahkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Krisis kemanusiaan etnik Muslim Rohingya perlu diberi perhatian yang sewajarnya sebagaimana tumpuan kemanusiaan terhadap isu-isu kemanusiaan yang lain. Akibat daripada krisis kemanusiaan yang semakin buruk di Wilayah Rakhine, Myanmar telah memaksa berpuluhan-puluhan ribu penduduk keluar bagi mencari perlindungan. Antara negara yang menjadi pilihan etnik ini mendapatkan perlindungan adalah dengan datang ke Malaysia walaupun terpaksa mengharungi perjalanan yang jauh menggunakan jalan air sebagai alternatif. Malangnya, Malaysia tidak menjadi ahli yang menandatangani Konvensyen 1951 dan juga Protokol 1961 berkaitan orang pelarian sekali gus tidak mengiktiraf golongan pelarian. Oleh sebab itu, Malaysia tidak mempunyai dasar yang khusus berkenaan orang pelarian di Malaysia. Walaupun Malaysia tidak mengiktiraf golongan pelarian, namun melalui beberapa agensi kerajaan yang prihatin, nasib golongan ini tetap diberi perhatian. Justeru, hak-hak dan nasib golongan ini kebanyakannya digalas oleh pertubuhan bukan kerajaan atau NGO yang terdiri daripada komuniti Rohingya itu sendiri. Sebagaimana yang dibincangkan, kertas kerja ini memfokuskan kepada isu kemanusiaan pelarian Rohingya di Malaysia dengan melihat kepada cabaran-cabarab yang dihadapi oleh golongan pelarian Rohingya dengan memfokuskan Pulau Pinang. Perbincangan dalam makalah ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pertama, membincangkan isu kemanusiaan pelarian Rohingya. Aspek yang diambil kira merangkumi persolan mengenai pelarian dan pelarian Rohingya. Bahagian ini juga menyentuh serba sedikit berkaitan sejarah kemanusiaan etnik Rohingya sehingga membawa mereka melarikan diri ke Malaysia. Bahagian kedua membincangkan mengenai hak asasi manusia. Ia terbahagi kepada dua bahagian kecil iaitu hak asasi menurut Barat dan Islam. Seterusnya, bahagian ketiga melihat cabaran-cabarab yang dihadapi oleh orang-orang Rohingya di Pulau Pinang. Data diperoleh melalui hasil teme bual bersama Presiden sebuah NGO yang ditubuhkan oleh orang Rohingya itu sendiri iaitu (Ustaz) Mohammad Islam bin Sultan Ahmed. Beliau merupakan Presiden UNIROD atau Persatuan Islam Untuk Kemajuan Rohingya (United Islamic Rohingya Organization for Development).

### **Isu kemanusiaan pelarian Rohingya**

Sebelum membincangkan isu kemanusiaan Rohingya, bahagian ini akan membincangkan serba sedikit konsep berkenaan pelarian. Konsep ini merupakan sebahagian tema penting dalam perbincangan ini. Pelarian lazimnya dikaitkan dengan konflik yang berlaku dalam kehidupan mereka seperti pencabulan hak asasi manusia, penganiayaan dan perang saudara yang dilakukan oleh pihak pemerintah. Mangsa daripada konflik ini terpaksa membuat keputusan untuk melarikan diri dari negara asal demi keselamatan diri dan juga keluarga. Kadang kala pergerakan ini bersifat sementara sahaja kerana apabila konflik yang berlaku di negara asal telah reda, mereka boleh pulang kembali disebabkan keadaan di sana tidak lagi berada dalam keadaan yang membahayakan. Namun begitu, yang menjadi masalah bagi golongan pelarian ini adalah apabila konflik yang berlaku di negara asal masih tidak reda sedangkan ia telah berlaku sejak sekian

lama. Keadaan yang tidak menjamin keselamatan itu menyebabkan mereka tidak dapat pulang dan ini akan memberi kesan terhadap kehidupan pelarian dari segi mental serta persekitaran kehidupan mereka. Hal ini kerana mereka berkemungkinan tidak mahu pulang lagi ke negara asal disebabkan beberapa faktor seperti telah terputus hubungan dengan keluarga asal di sana, lahir di negara yang menjadi destinasi mereka dan telah menyesuaikan diri dengan keadaan di tempat baru kerana sudah terbiasa dengan budaya dan cara hidup masyarakat tempatan. Di samping itu, mereka telah menemui sebuah kehidupan yang lebih baik di negara baru berbanding kehidupan di negara asal yang begitu daif dan susah dan ini juga menyebabkan mereka tidak mahu pulang ke negara asal.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui United Nations High Commission for Refugees (UNHCR) memberi takrifan bahawa golongan yang boleh dianggap sebagai pelarian adalah seseorang individu atau kumpulan yang terpaksa meninggalkan negara asal mereka. Ini merujuk kepada keadaan seperti kemiskinan dan kepayahan hidup kesan daripada pencabulan hak asasi manusia, konflik dengan pemerintah dan perang saudara yang berlaku dalam negara mereka. Oleh itu UNHCR hanya mengiktiraf golongan yang terpaksa lari akibat kepayahan hidup ini layak diberi taraf pelarian dan perlu diberikan perlindungan berbanding golongan imigran yang bersifat ekonomi semata-mata.

Artikel 1 dalam Konvensyen 1951 berkaitan Orang Pelarian dan Protokol 1967 memberi definisi mengenai pelarian di mana pelarian merupakan “individu atau sesebuah kumpuan yang berada di luar negara kerakyatannya atas sebab-sebab yang munasabah, berasa takut jika dianaya oleh pihak berkuasa atas alasan-alasan seperti perkauman, keagamaan, kewarganegaraan, keahlian dalam sesebuah kumpulan sosial atau parti politik dan kerana rasa ketakutan yang sedemikian, dia tidak boleh atau tidak mahu untuk mendapatkan perlindungan dari negara asalnya itu (UNCHR). Selain Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 yang mendefinisikan terma pelarian secara umum dan luas, terdapat beberapa organisasi lain yang memberikan terma pelarian yang lebih berfokus berdasarkan situasi di dalam sesebuah wilayah yang dilanda masalah pelarian iaitu oleh *Organization for African Unity Convention* (OAU) atau Organisasi Perpaduan bagi Masyarakat Afrika pada tahun 1969 dan juga Deklarasi Cartagena 1984 yang diadakan di Amerika Latin. Menurut OAU, seseorang hendaklah dianggap sebagai pelarian jika dirinya berada dalam keadaan yang telah dinyatakan di atas walaupun tidak mengalami perasaan takut kesan daripada penganiayaan. Definisi-definisi ini adalah berdasarkan prinsip di mana perlunya perlindungan antarabangsa akibat sesebuah negara gagal melunaskan prinsip perlindungan sama ada enggan atau tidak mampu menyediakan perlindungan bagi rakyatnya akibat berlaku peperangan saudara atau pencerobohan kuasa asing. Manakala Deklarasi Cartagena 1984 adalah untuk memanjangkan lagi definisi pelarian dalam Konvensyen 1951 serta ia merupakan dokumen pertama yang diguna pakai di Amerika Latin bagi merujuk kes kehadiran pelarian yang ramai.

Pelarian Rohingya yang berasal dari Myanmar lebih dikenali sebagai pelarian dan pelarian ‘tanpa negara’ oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan tempatan seperti United Nations High Commissioner for Refugee (UNCHR), Human Right Watch (HRW), Amnesty International (AI),

dan Suara Rakyat Malaysia (SUARAM). Pelarian Rohingya ke Malaysia perlu mendapat perhatian ramai terutama pihak berwajib. Secara amnya pelarian Rohingya adalah pelarian politik di bawah naungan UNHCR. Mereka adalah kumpulan etnik minoriti Myanmar yang beragama Islam dan ditindas di sana. Jumlah populasi mereka adalah sebanyak 2 juta orang dan tinggal berhampiran dengan sempadan Myanmar-Bangladesh.

Semenjak Myanmar diperintah oleh rejim tentera yang merampas kuasa pemerintahan sivil U Nu pada tahun 1962, ia boleh dikatakan bermulanya babit penafian secara keras mengenai kewarganegaraan orang Rohingya di Myanmar. Ketika Myanmar di bawah pemerintahan Jeneral Ne Win sebagai ketua rejim, orang Rohingya dilabelkan sebagai PATI kerana dikatakan golongan ini telah dibawa masuk oleh penjajah British suatu ketika dahulu. Kemuncaknya pada tahun 1974 perlombagaan baru telah dibentuk oleh kerajaan junta Myanmar dan Akta Immigresen 1974 di dalamnya telah menafikan secara jelas hak orang Rohingya sebagai warganegara Myanmar yang sah dan mereka dilabelkan sebagai PATI. Justeru kesan daripada undang-undang yang digubal oleh rejim Myanmar telah disusuli oleh suatu operasi besar-besaran yang dinamakan Naga Min atau Raja Naga pada tahun 1977. Operasi yang dianggap kejam ini telah memaksa orang Rohingya menjadi pelarian dan mereka secara beramai-ramai telah lari meninggalkan kampung halaman ke tempat yang difikirkan selamat dan dekat. Dianggarkan kira-kira seramai 200,000 orang Rohingya telah lari beramai-ramai ke Bangladesh pada tahun 1978. Akibat daripada tekanan yang semakin meningkat, kebanyakan daripada mereka melarikan diri ke Malaysia, sempadan Thailand, Bangladesh, negara Arab dan Eropah. Namun begitu, terdapat laporan yang mengatakan bahawa pelarian Rohingya telah lari ke Malaysia seawal tahun 1956 iaitu sebelum Malaysia mendapat kemerdekaan lagi. Tetapi mereka lari ke Malaysia dalam kumpulan yang kecil dan pertambahan golongan pelarian ini sangat sedikit sebelum tahun 1992. Peningkatan golongan ini di Malaysia mula mengalami peningkatan selepas tahun 1992, kebetulan ketika itu telah berlaku gelombang kedua pelarian Rohingya yang lari dari penindasan kerajaan junta Myanmar.

Pada tahun 1982, Kerajaan Myanmar telah melucutkan kewarganegaraan etnik Rohingya menjadikan mereka pelarian di negara sendiri. Hak mereka sebagai rakyat Myanmar telah dirampas, mereka tidak dibenarkan keluar daripada penempatan mereka, tanah dan ternakan dirampas, masjid dimusnahkan dan diganti dengan Pagoda Buddha, arahan tidak dibenarkan membaiki masjid, tidak dibenarkan mengamalkan agama secara bebas, perkahwinan dan pergerakan yang dihadkan hanya dengan keizinan tentera, penyeksaan tanpa bicara, pemerkosaan wanita dan ada yang ditangkap. Akibat daripada tekanan yang semakin meningkat, kebanyakan daripada mereka melarikan diri ke Malaysia, sempadan Thailand, Bangladesh, negara Arab dan Eropah. Sekiranya mereka pulang semula ke Myanmar, mereka boleh ditembak dan ditangkap. Berikutan penafian kerakyatan oleh pihak berkuasa Myanmar, pelarian Rohingya ini terpaksa bermigrasi dari kawasan tempat tinggal mereka di Arakan, Myanmar. Situasi pelarian Rohingya, sama ada di Myanmar atau di negara lain semakin mendapat perhatian pada peringkat antarabangsa memandangkan mereka sedang menghadapi diskriminasi hak asasi manusia yang amat serius (Jilani (1999), Martin (1999). Isu hak asasi pelarian Rohingya di Malaysia juga

menimbulkan perhatian pelbagai pihak seperti Human Rights Watch (2000) dan SUARAM (2002).

Mengikut anggaran umum dari pelbagai sumber, terdapat sekurang-kurangnya 10,000 Rohingya di Malaysia. Daripada beberapa sumber (Jadual 1) yang menganggarkan bilangan pelarian Rohingya, didapati bilangannya semakin meningkat dari tahun 1998 sehingga tahun 2005, populasi Rohingya sebelum tahun 1998 tidak diketahui (Tan Pok Suan, 2006). Bilangan populasi yang tepat sukar diperolehi. Hal ini kerana pelarian Rohingya masih dianggap sebagai ‘pendatang asing tanpa izin’ dari segi perundangan Malaysia. Pelarian Rohingya sentiasa menghadapi isu keselamatan dan sering kali terpaksa hidup secara berpindah-randah. Ringkasan anggaran bilangan Rohingya yang dibuat oleh sumber-sumber tertentu dirumuskan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Anggaran Populasi Rohingya di Malaysia

Tahun	Anggaran Populasi (Orang)	Sumber
1998	5000	US Committee of Refugee (USCR)
1999	5100	US Committee of Refugee (USCR)
2000	5100 hingga 8000	Human Rights Watch (HRW)
2003	8979	Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
2004	10,000 hingga 35,000	Laporan berita <i>Malaysiakini</i>
2014	37,100	UNCHR

Penahanan pelarian Rohingya sering dilaporkan dalam media yang dirujuk secara umum sebagai ‘pendatang Burma’ terutama apabila kehadiran mereka di Malaysia yang semakin ketara pada akhir tahun 1990-an. Walaupun pihak kerajaan mengambil sikap yang semakin positif untuk menerima pelarian Rohingya sebagai pelarian pada akhir tahun 2004, kes-kes penahanan Rohingya masih berlaku dan cadangan memberi peluang pekerjaan dan pendidikan kepada Rohingya masih belum lagi dipraktikkan.

Antara cabaran-cabaran yang dihadapi termasuklah pengangguran dan tiada jaminan pekerjaan kerana permohonan permit kerja tidak dapat dilakukan, generasi kedua Rohingya yang lahir di Malaysia sukar mendapat surat beranak kerana ibu bapa tidak mempunyai sebarang dokumen seperti sijil perkahwinan atau kad pengenalan, remaja Rohingya tidak mendapat pendidikan secara formal, menghadapi masalah kesihatan yang serius kerana tidak memperoleh rawatan kesihatan yang mencukupi dan isu yang paling utama iaitu ancaman keselamatan serta sering berhadapan risiko ditahan dan dihantar keluar dari sempadan Malaysia Tan Pok Suan, 2006). Ada di antara mereka hidup di bawah jambatan, bekerja di pasar borong, mengemis dan tinggal di tapak-tapak binaan. Tidak ramai yang boleh menampung kehidupan mereka sehari-harian. Mereka ini akhirnya akan menjadi duri di dalam masyarakat dan akan menyumbang kepada statistik peminta sedekah, kejadian kecurian dan rompakan dan pelacuran di Malaysia (Shahrizal Azwan Bin Samsudin, 2010).

Walaupun kehidupan pelarian Rohingya penuh dengan unsur ketidakpastian namun, mereka hidup secara berkomuniti. Mereka sentiasa bersedia menghulurkan bantuan antara satu sama lain. Pelarian ini juga mengambil inisiatif membentuk pertubuhan-pertubuhan bagi membina kesepadan sama ada dari segi fizikal mahu pun rohani. Terdapat juga ketidaksefahaman antara anggota komuniti dalam hal-hal tertentu, semangat bersedia untuk membantu anggota komuniti yang lain dan jaringan sosial sesama mereka dilihat sebagai satu bentuk perjuangan kehidupan iaitu satu perjuangan bagi menghadapi ketidakpastian dalam setiap aspek kehidupan.

### Hak asasi manusia

Perbincangan dalam bahagian ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, hak asasi dari perspektif Barat dan kedua hak asasi dari perspektif Islam. Hak asasi manusia bukanlah isu baru dalam konteks politik dan undang-undang antarabangsa. Cuma pada era pasca Perang Dingin tema ini diberi nafas baru selepas berlakunya krisis kemanusiaan dan pembunuhan kaum di Balkan dan Rwanda (Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2002). Hak asasi manusia mulai mendapat tempat rasmi di peringkat antarabangsa melalui Perisyntiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948. Perisyntiharan ini dipelopori oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang keahliannya terdiri daripada kebanyakan negara-negara merdeka di dunia (Wong Hon Wai, t.t). Manakala sejarah gerakan hak asasi manusia dipercayai bermula pada tamadun Greek yang dipelopori ahli-ahli falsafah seperti Aristotle dan Plato. Idea-idea hak asasi seperti hak kebebasan, hak sama rata serta hak mendapat keadilan di Athens lahir daripada pemikiran falsafah Greek. Aristotle membincangkan tentang falsafah hak berpolitik menerusi aktiviti pentadbiran badan perhimpunan, badan majlis dan badan kehakiman. Plato pula melihat hak persamaan gender iaitu kedua-dua kumpulan jantina tersebut berhak untuk mendapat pendidikan dan diberi peluang meningkatkan pencapaian diri masing-masing (Mahamad Naser Desa, 2012).

Barat meletakkan konsep kebebasan mutlak bersamaan dengan hak. Bagi mereka setiap individu berhak mendapat kebebasan secara total, sehingga apa jua kebebasan dan kemahanan yang diingini dianggap sebagai suatu yang mesti dilunaskan. Bagi memahami sesuatu perkara atau wacana, adalah penting untuk mengetahui makna istilah yang digunakan. Istilah hak dan kebebasan menurut Barat cuba disampaikan sebagai mempunyai makna yang sama sehingga kadang-kadang menimbulkan kekeliruan pemikiran khususnya dalam kalangan umat Islam hari ini. Dalam Islam, daftar kata Arab menjadi rujukan utama. Istilah ‘hak’ yang berasal dari perkataan ‘haqq’ mempunyai makna tersendiri. Dalam takrif bahasa, istilah *haqq* bermaksud sesuatu perkara yang benar, yang *tsabit* atau tetap dan tidak boleh dipertikai atau diingkari. Takrif *haqq* ialah perbuatan yang tertakluk pada perintah syarak. Misalnya, hak Allah SWT ialah apa-apa yang berkaitan dengan perintah dan larangan-Nya. Imam al-Jurjuni menyebutkan sesuatu yang hak ialah yang tetap secara hakikat yakni jelas, perkara yang tetap yang tidak akan diingkari. Dari segi istilah, hak bermaksud hukum yang selari dengan kenyataan dan ia bersifat mutlak dalam perkataan, akidah, pegangan agama dan pandangan. Lawan bagi makna hak ialah batil (Mafis Mohd Samuri, t.t).

Hak adalah suatu perkara penting yang dipertanggungjawabkan kepada setiap individu. Individu yang tanpa hak lebih merupakan seorang hamba yang dikuasai penuh oleh tuannya. Hak yang dipunyai oleh individu memberikan ia hak menentukan persekitaran dan keperluan hidup yang diingininya sama ada dengan atau pun tanpa campur tangan negara. Hak seseorang melakukan sesuatu memperjelas adanya kewajipan individu lain dan masyarakat supaya tidak menghalang apa yang dilakukan oleh setiap individu terbabit. Bahkan dalam suatu situasi individu dan masyarakat akan memberikan hal yang positif dalam hal-hal tertentu. Apabila berbicara mengenai hak, ia sekali gus tidak dapat dipisahkan dengan unsur kebebasan. Amarty Sen (1999) membahagikan erti kebebasan kepada lima komponen yang penting. Komponen-komponen tersebut merangkumi kebebasan politik, kemudahan ekonomi, peluang sosial, jaminan ketelusan, dan perlindungan keselamatan. Kebebasan politik dikenali juga sebagai hak sivil. Kemudahan ekonomi pula merujuk kepada peluang yang ada kepada individu bagi menikmati kemakmuran sumber-sumber ekonomi. Peluang sosial merupakan suatu susunan sosial yang dibentuk oleh masyarakat bagi memperoleh peluang pendidikan, kesihatan dan sebagainya yang mana akan mempengaruhi setiap individu mempunyai kebebasan merasai kehidupan yang lebih baik. Jaminan ketelusan iaitu membolehkan individu bebas berurus di antara satu sama lain berada dalam jaminan pendedahan dan penjelasan. Manakala perlindungan keselamatan diperlukan bagi membekalkan kawalan sosial dan menjaga kebajikan ahlinya (Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2002).

### **Cabaran-cabaran yang dihadapi Pelarian Rohingya di Pulau Pinang**

Status mengenai pelarian Rohingya di Malaysia sehingga ke hari ini berada dalam keadaan yang boleh dikatakan sebagai kabur kerana ia melibatkan pengiktirafan daripada kerajaan Malaysia dan juga UNHCR. Kerajaan Malaysia tidak memberi pengiktirafan kepada golongan pelarian disebabkan tidak menjadi ahli yang menandatangani Konvensyen 1951 dan juga Protokol 1961 berkaitan orang pelarian. Rasionalnya adalah bagi mencegah berlakunya kebanjiran warga pelarian yang akan menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama mereka untuk menyelamatkan diri dan memulakan hidup baru. Fenomena ini akan menyulitkan lagi usaha kerajaan untuk mengawal selia golongan pelarian kerana ia melibatkan kos, masa dan komitmen, tambahan pula kerajaan kini berusaha untuk menyelesaikan masalah pendatang dan PATI di dalam negara. Oleh yang sebab itu, Malaysia tidak mempunyai dasar yang khusus berkenaan orang pelarian di Malaysia. Jadi, orang pelarian di Malaysia akan dianggap sebagai PATI kerana berdasarkan cara kemasukan mereka ke Malaysia yang kebanyakannya secara tidak sah serta status mereka itu sendiri sebagai pencari suaka dan pelarian.

Berlainan pula dengan UNHCR yang merupakan salah satu daripada agensi PBB yang penubuhannya menjurus kepada mengurus dan membantu golongan pelarian yang mlarikan diri dari negara asal. Oleh demikian, badan UNHCR cawangan Malaysia telah memainkan peranan mereka sama seperti cawangan UNHCR yang lain di serata dunia dengan memberikan perkhidmatan dan bantuan yang diperlukan oleh golongan pelarian di Malaysia. Seperti pelarian lain di Malaysia, pelarian Rohingya juga telah diberikan suatu dokumen pengenalan diri yang dinamakan Kad Pelarian UNHCR, diperoleh setelah selesainya beberapa prosedur seperti,

siasatan dan temu bual serta pengekodan. Melalui kad yang dimiliki ini, ia dianggap sebagai dokumen yang sah dan ini membuktikan bahawa orang yang memiliki kad seperti adalah orang pelarian. Melalui pemilikan kad ini, orang pelarian diharap dapat meneruskan kehidupan sehari-hari seperti masyarakat tempatan tanpa sebarang tekanan dan penindasan. Walau bagaimanapun timbul beberapa isu pemilikan kad ini di mana masih ramai pelarian yang tidak memiliki kad ini walau sudah lama menetap di sini. Mereka terpaksa berulang alik dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur semata-mata untuk memperoleh kad pengiktirafan sebagai pelarian. Ini sudah tentu menelan belanja yang agak besar kepada mereka kerana kos yang terpaksa ditanggung adalah besar. Apatah lagi bagi mereka yang sudah berkeluarga terpaksa membawa anak-anak ke Kuala Lumpur.

### **Tempat tinggal dan persekitaran**

Pelarian Rohingya lebih gemar tinggal di kawasan sekitar bandar besar kerana terdapat peluang pekerjaan dan akses kepada keperluan sehari-hari. Tetapi ada juga di kalangan mereka yang tinggal di kawasan kampung disebabkan faktor pekerjaan seperti petani, penoreh getah dan penternak. Jika di kawasan bandar, mereka akan menetap di rumah-rumah flat yang berada di tingkat yang tinggi. Hal ini kerana sewanya agak murah berbanding tingkat yang lain. Ada juga yang membuat penempatan di kawasan setinggan dan tinggal bersama masyarakat tempatan.

Lazimnya pelarian Rohingya tinggal secara berkeluarga kerana ketika lari, mereka akan membawa anak dan isteri sekali tetapi ada juga yang lari dahulu ke Malaysia kemudian membawa keluarganya datang ke sini. Menurut Ust. Mohammad Islam, bagi mereka yang sudah berkeluarga terdapat kes di mana mereka berkongsi dalam dua ke tiga buah keluarga serumah. Manakala mereka yang bujang akan menetap secara beramai-ramai terutamanya pelarian yang baru tiba ke negeri ini. Biasanya mereka yang baru tiba tidak mempunyai tempat tinggal dan mereka ini ada yang dijumpai di surau, bahu jalan atau tidur di tepi jalan atau di bawah jambatan.

### **Pendidikan dan pekerjaan**

Pendidikan merupakan suatu keperluan yang seharusnya dipenuhi oleh setiap insan. Begitu dengan pelarian Rohingya, mereka juga berpendapat bahawa pendidikan amat penting bagi anak-anak mereka supaya menjadi orang yang berguna di masa hadapan. Di Malaysia, kanak-kanak pelarian tidak dibenarkan bersekolah di sekolah bantuan kerajaan, begitu juga dengan pelarian Rohingya. Oleh yang demikian, pada masa kini terdapat beberapa buah sekolah persendirian yang diusahakan oleh UNIROD dengan kerjasama beberapa buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan dan juga UNHCR dengan menyediakan lokasi pengajaran dan pembelajaran serta bahan-bahan bacaan dan tulisan. Lokasi ini terdiri daripada rumah kedai yang disewa, masjid dan surau. Anak-anak pelarian Rohingya ini diajarkan dengan mata pelajaran asas seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan juga mata pelajaran Agama Islam. Guru-guru pula lazimnya dalam kalangan masyarakat pelarian itu sendiri dan dibayar menerusi elauan pada nilai yang tidak terlalu tinggi. Walaupun sukanan pembelajaran tidak seperti di sekolah bantuan kerajaan, sekurang-kurangnya mereka didedahkan dengan pengetahuan asas pelajaran

serta diharapkan mereka mampu menguasai Bahasa Melayu dan akidah mereka diperkuuhkan dengan pembelajaran Agama Islam.

Berkenaan aktiviti pekerjaan yang dilakukan oleh pelarian Rohingya di Malaysia, dahulunya kerajaan Malaysia tidak membenarkan golongan ini bekerja dalam sebarang sektor tetapi disebabkan perasaan belas kasihan dan relevansi jika pelarian tidak bekerja, bagaimana untuk menyara keluarga mereka, kerajaan telah membenarkan mereka bekerja dalam sektor tidak formal. Semasa orang Rohingya di negeri asal mereka iaitu Rakhine, pekerjaan utama mereka adalah berbentuk pertanian seperti bersawah, menternak, menangkap ikan dan berkebun. Apabila berada di Malaysia, kebanyakannya bekerja di sektor pembinaan sebagai buruh kasar. Ada juga di kalangan mereka bekerja di pasar-pasar borong, pembantu kedai, tukang sapu dan cuci serta yang bekerja secara sendiri dengan mengutip barang-barang terpakai dan memberi khidmat memotong rumput. Apabila melibatkan soal gaji, semestinya upah yang diterima tidak seberapa, namun mereka tetap bersyukur selagi dapat menyara kehidupan. Namun terdapat juga masalah yang dihadapi mereka seperti ditipu oleh pihak majikan yang mengetahui mereka tidak mempunyai dokumen dan oleh itu mereka membayar upah yang sedikit atau tidak bayar langsung. Terdapat kes mereka ditahan pihak berkuasa yang mengugut akan mengambil tindakan lalu meminta sejumlah wang untuk melepaskan mereka.

Walaupun pelarian Rohingya mempunyai kad pelarian UNHCR, namun dokumen ini tidak dilayan dan ada juga pihak berkuasa mengatakan dokumen ini tidak sah atau palsu. Hal ini menyulitkan golongan pelarian Rohingya untuk menyara kehidupan keluarga mereka sehari-hari kerana lazimnya gaji yang diterima adalah gaji harian dan jika gaji mereka hari ini dirampas, bagaimana pula mereka mahu membeli barang keperluan harian? Walau bagaimanapun terdapat juga segelintir pelarian Rohingya yang agak berjaya dalam pekerja yang diceburi iaitu ada di antara mereka menjadi peniaga dan mendapat keuntungan yang tinggi dalam perniagaan yang diceburi.

### **Kesihatan dan kebajikan**

Kesihatan merupakan suatu isu yang perlu diberi perhatian kerana ia merupakan suatu keperluan dalam hidup manusia. Pelarian Rohingya mendapatkan rawatan di pelbagai institusi seperti di hospital dan klinik kerajaan, klinik swasta dan juga klinik sukarela yang ditubuhkan oleh NGO. Walaupun klinik sukarela adalah percuma dan jika dikenakan bayaran kosnya adalah rendah, namun tidak semua lokasi disediakan perkhidmatan ini. Oleh yang demikian, pelarian Rohingya lazimnya akan mendapatkan rawatan di hospital dan klinik kerajaan. Dahulunya mereka perlu membayar kos rawatan sama seperti warga asing yang tinggi harganya berbanding dengan masyarakat tempatan. Namun kini kerajaan telah memberi potongan sebanyak 50% daripada jumlah yang perlu dibayar oleh warga asing. Walaupun ia masih agak tinggi kosnya, namun ia sedikit sebanyak meringankan beban pelarian Rohingya yang status ekonominya rendah. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang masih tidak mampu untuk mendapatkan rawatan di hospital dan klinik kerajaan mereka akan pergi ke farmasi berdekatan dan membeli ubat-ubatan untuk mengubati penyakit yang dihadapi. Namun demikian, terdapat juga pelarian Rohingya yang

mendapatkan rawatan di klinik swasta disebabkan mereka mempunyai hubungan yang baik dengan doktor yang mengendalikan klinik tersebut dan mampu mendapatkan harga rawatan yang mampu dibayar.

## KESIMPULAN

Krisis kemanusiaan yang melanda etnik muslim Rohingya perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak-pihak terlibat. Walaupun Malaysia tidak mengiktiraf golongan pelarian, namun melalui agensi-agensi tertentu nasib golongan ini turut mendapat perhatian. Walaupun begitu, hak-hak pelarian di Malaysia khususnya di Pulau Pinang masih dalam skor sederhana atas sebab-sebab tertentu. Nasib pelarian Rohingya di Pulau Pinang masih samar sebagaimana nasib pelarian yang berada di Malaysia. Hidup mereka penuh cabaran dan mereka terus istiqamah berjuang untuk sebuah kehidupan di negara asing.

## RUJUKAN

- Mafis Mohd Samuri (t.t). *Penghakisan Nilai Agama Melalui Doktrin Hak Asasi Manusia*. Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diakses dari [http://www.muftiwp.gov.my/doc/Doktrin\\_Hak\\_Asasi\\_Manusia.pdf](http://www.muftiwp.gov.my/doc/Doktrin_Hak_Asasi_Manusia.pdf) pada 1 November 2014.
- Mahamad Naser Disa (2012). *Hak Asasi dan Kebebasan Diri Perspektif Syafa' dan Humanisme: Satu Analisis Perbandingan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pemikiran Liberalisme & Pragmatism anjuran JAIS di INTEKMA, Shah Alam pada 28 Jun 2012.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani (2002). *Hak Asasi dan Hak Bersuara Menurut Pandangan Islam dan Barat*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Tan Pok Suan (2006). *Kehidupan Rohingya di Malaysia: Perjuangan dalam Ketidakpastian Hidup*. Jurnal Akademika 68 (Januari) 2006: 111-122. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Diakses dari <http://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/603/564>
- Wong Hon Wai (t.t). *Hak Asasi Manusia: Imbangan Antara Hak Ramai dan Hak Individu*. Diakses dari <http://www.reocities.com/CapitolHill/6954/hakasaki.htm> pada 4 Oktober 2014.
- Temu bual bersama Presiden UNIROD, United Islamic Rohingya Organization for Development (Persatuan Islam untuk Kemajuan Rohingya) iaitu Ustaz Mohammad Islam bin Sultan Ahmed.